

NO. SOALAN: 48

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pihak **JAKIM** dan Kementerian Kesihatan membuat penyelarasan bidang kuasa di peringkat dalaman berkenaan isu makanan halal demi mengelakkan kecelaruan seperti yang berlaku dalam kes coklat Cadbury baru-baru ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya pengasingan tugas antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah jelas. KKM bertanggung jawab

terhadap isu keselamatan makanan dan pelebelan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983, manakala JAKIM bertanggung jawab terhadap isu pengesahan halal selaras dengan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

Penyelarasan pelaksanaan antara kedua-dua agensi sentiasa dilakukan melalui mesyuarat penyelarasan pada 6 Disember 2011, 11 Mac 2014 dan 24 Mei 2014. Hasil mesyuarat penyelarasan tersebut dipersetujui supaya maklumat yang akan diumumkan kepada orang awam adalah keputusan analisa yang diperoleh daripada Jabatan Kimia Malaysia melalui sampel yang diambil oleh JAKIM. Penentuan serta pemakluman kepada orang ramai hal berkaitan halal adalah di bawah bidangkuasa JAKIM, manakala hal berkaitan keselamatan makanan adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

Apabila berlakunya kes coklat Cadbury tempoh hari, mekanisma penyelarasan yang turut melibatkan semua agensi yang berkaitan iaitu JAKIM, KKM, Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah bermesyuarat pada 26 Mei 2014 dan memutuskan bahawa:

- i. sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama JAKIM/JAIN selaku Pihak Berkuasa Yang Berwibawa dalam pensijilan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Oleh yang demikian, kenyataan

berhubung isu halal hanya akan dikeluarkan oleh JAKIM bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam; dan

- ii. KKM menghantar secara rasmi laporan-laporan hasil penemuan analisis sampel produk kepada JAKIM bagi menjalankan siasatan lanjut.

Kerajaan juga telah memutuskan bahawa persampelan *deoxyribonucleic acid* (DNA) babi tidak akan dilakukan oleh KKM ke atas produk yang mendapat pensijilan halal Malaysia dan badan Islam luar negara yang diiktiraf. Persampelan produk tersebut hanya akan dilakukan oleh JAKIM. Disamping itu, dua garis panduan turut dihasilkan bagi menyelaraskan prosedur persampelan dan pengujian produk di makmal KKM iaitu:-

- i. Garis Panduan Pengurusan Maklumat Keputusan Ujian Makmal Kementerian Kesihatan Berkaitan Dengan *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) Babi; dan
- ii. Garis Panduan Pemantauan Pematuhan Peraturan Makanan 1985 Bagi Makanan Yang Mengandungi Babi Atau Hasilan Babi.

Sekian, terima kasih.